

Headline	Segera laksana perancangan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	8	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	277 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,208
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,623



**Rina pada majlis pelepasan 15 usahawan Kementerian Pembangunan Luar Bandar ke Ekspos Malaysia Fest di Singapura 2019, di Putrajaya, semalam.**  
 (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

### Pelan perancangan pembangunan Kampung Baru

# Segera laksana perancangan

**Putrajaya:** Pelan perancangan pembangunan Kampung Baru yang akan dibentang minggu depan, diharapkan dapat dilaksanakan, sekali gus memberi manfaat kepada semua pihak termasuk penduduk.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun, berkata ini kerana isu membaikkan Kampung Baru sudah berlanjut sejak lama hingga tiada penyelesaian yang konkret.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Titiwangsa, berkata pembentangan oleh Perbadanan Kemajuan Kampong Bharu (PKB) itu diharapkan mendapat komitmen semua pihak dan apa yang dirancang membuka lembaran baharu kepada semua.

“Pelan ini diharapkan mempunyai pembangunan yang lestari untuk semua pihak dan paling penting, penduduk dapat manfaat. Saya berharap pelan itu mengekalkan ciri kampung seiring dengan sejarah, malah biarlah namanya kekal seperti sekarang,” katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas majlis pelepasan 15 usahawan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) ke Ekspos Malaysia Fest di Singapura 2019 di sini semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai pembentangan pelan perancangan yang akan dibuat minggu depan, selepas tertangguh sejak dua minggu lalu.

Mengenai pelepasan 15 usa-

hawan ke Ekspos Malaysia Fest, beliau berkata mereka mempunyai produk yang memenuhi kriteria ditetapkan, selain berpotensi untuk berkembang ke peringkat antarabangsa.

Katanya, usahawan berkenaan akan memamerkan produk masing-masing selama empat hari di ekspos berkenaan, bermula 25 Julai ini, seperti produk berkaitan makanan, minuman dan kesihatan.

“Penyertaan ini atas jemputan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang membabitkan saiz keseluruhan pameran adalah sebanyak 250 kedai pameran dengan jangkaan pengunjung 100,000 orang,” katanya.